

Mahathir ingatkan ahli2...

Jangan ambil kesempatan menggunakan nama UMNO

BH - 9 ME 1977

KUALA LUMPUR, Ahad. — UMNO akan lumpuh dan hancur jika ahli-ahlinya terus mengamalkan perbuatan mengguna nama UMNO bagi tujuan mendapatkan sesuatu dan menyerahkan bulat-bulat kepada Kerajaan membela nasib mereka, Kata Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, sikap-sikap saumpama itu sebagai menandakan zaman kegelapan sudah bermula di dalam UMNO dan seluruh ahli parti patut disedari tentang bahaya-bahayanya.

"UMNO boleh dianggap sebagai sebuah badan yang telah lumpuh kalau berkehendakkan sesuatu, kita menggunakan nama parti dengan menyebut UMNO," katanya ketika berucap meresmikan mesyuarat perwakilan kali Ketiga UMNO Bahagian Kuala Lumpur Bandar, di Dewan Sharifah Rodziah di sini hari ini.

Menurut Naib Presiden UMNO itu, banyak kemudahan diperolehi oleh ahli-ahli UMNO, di mana kadangkala derma-derma yang dipungut menggunakan nama UMNO dan tandatangan orang-orang tertentu.

Beliau mengingatkan, "Orang-orang yang terlalu dapat kemudahan ianya akan jadi lumpuh, kita terlalu mudah menggunakan kuasa untuk mendapatkan sesuatu dan inilah yang akan melemahkan kita."

tidak mungkin kuat melainkan ianya sanggup berkorban untuk mempertahankan hak-hak dan kekuatannya.

"Begitu juga di dalam UMNO ini, kita tidak boleh semata-mata menyerahkan kepada Kerajaan untuk membela nasib dan kemajuan masa depan kita, dan sikap ini merupakan tanda zaman kegelapan sudah bermula di dalam parti kita," katanya lagi.

Kemudahan

Kata Dr. Mahathir, seluruh ahli UMNO patut disedari tentang bahaya-bahayanya kita bergantung kepada orang lain kerana sikap itu merupakan bahaya kepada kita sendiri.

Beliau bertanya, "Adakah kita telah berpuashati dengan tujuan tujuan yang kita capai sekarang dengan hanya duduk menunggu orang lain menderma kepada

Tanggungjawab

Dalam pergolakan politik hari ini, kata Dr. Mahathir, betapa mudahnya kita sekarang menghadapi masalah berbanding dengan masa-masa dahulu.

Beliau juga mengingatkan seluruh ahli UMNO supaya tidak mengharapkan bantuan dan pertolongan orang lain untuk mengekalkan kekuatan parti dan hak-hak kita.

"Kalau kita hendak kepada kekuatan yang ada berkekalan, kita mestilah berani berkorban untuk mempertahankan hak-hak kita, menyuruh orang lain mempertahankan hak-hak kita itu tak mungkin ianya berkekalan.

"Sesuatu bangsa yang menyerahkan tanggungjawab kepada bangsanya sendiri, maka bangsa itu akan maju dan dapat mengekalkan hak-haknya," ujar beliau.

Dr. Mahathir menegaskan, sesuatu bangsa

kita."

Beliau menarik perhatian, Empire British yang begitu kuatpun akhirnya musnah kerana ia mengharapkan bantuan orang lain.

Katanya lagi, dunia Islam yang telah dikembangkan atas kesanggupan orang-orang Islam ketika itu berkorban untuk menyebarkan agama ini juga akhirnya hancur bila sampai ke satu peringkat mereka menggunakan orang-orang upahan.

Dr. Mahathir mengajak seluruh ahli UMNO merenung kembali apakah nikmat yang telah UMNO berikan kepada kita samada cara langsung atau tidak langsung?.

Hakikatnya, tambah beliau, kita sekarang telah memperolehi berbagai-bagai nikmat dan kemudahan. Antaranya penuntut-penuntut sekarang telah mendapat biasiswa, jalan-jalanraya yang baik di

MUKA 12 RUANG 7

Dr. Mahathir

33
- 9ME 1977

ulangi syor menderma \$1 tiap bulan

DARI MUKA 1

kampung-kampung, bekalan-bekalan air-api, perbidanan dan berbagai lagi.

"Kita tidak boleh mengatakan tak ada satu nikmat yang UMNO beri kepada kita, kalau kita benar-benar jujur dan satu hakikat yang tidak dapat dinafikan, bahawa hasil daripada perjuangan UMNO telah mendatangkan munafaat kepada kita.

"Dan tidakkah kita pula sanggup berkorban sedikit untuk UMNO," tanya beliau serius.

Beliau mengulangi cadangannya supaya ahli-ahli UMNO menyumbangkan \$1 sebulan kepada parti untuk menguatkan kedudukan kewangan UMNO.

Katanya lagi, yuran keahlian UMNO masih \$1 setahun sejak dahulu lagi walaupun keadaan kemajuan negara mengalami berbagai perubahan pesat dan dari yuran \$1 itu Ibupejabat parti hanya mendapat 25 sen sahaja.

Kedudukan

"Inilah sumbangan kita, apakah ini merupakan perjuangan dan pengorbanan kita untuk meningkatkan kedudukan bangsa Melayu supaya duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain," kata Dr. Mahathir.

Menurut beliau, Semua bangsa menghormati UMNO sekarang kerana kekuatan dan keutuhan kita, "dan tidakkah patut kita sebagai ahli-ahli UMNO pula menghormati UMNO dengan membuat sedikit sumbangan," ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, kalau ahli-ahli UMNO menganggap bahawa dengan memberi sumbangan \$1 sebulan kepada UMNO merupakan perkara yang tidak baik, janganlah menderma, "kita tunggu sahaja UMNO tolong kita," katanya.

Mengenai penubuhan Koperatif UMNO "Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad" yang akan dilancarkan oleh Datuk Hussein Onn 11 Mei ini, Dr. Mahathir yakin ianya akan berjaya dalam menjalankan rancangan dan kegiatannya.

Dr. Mahathir kemudian menasihatkan ahli-ahli UMNO khasnya dan orang-orang Melayu amnya supaya jangan terlalu cepat menganggap atau memikirkan sesuatu cadangan yang dibuat oleh para pemimpin sebagai satu khayalan atau angan-angan majenin sahaja.

Katanya, satu-satu cadangan itu jika ia diusahakan dengan baik dan bersungguh-sungguh ada kemungkinan besar mencapai kejayaan.

Cadangan

Dr. Mahathir menyebut bahawa sebelum perang dunia kedua, masyarakat Melayu ketika itu menganggap cadangan Allahyarham Datuk Onn untuk menyatupadukan bangsa Melayu dan memperjuangkan hak-hak mereka yang terkandung dalam sebuah rencananya, disiarkan oleh Majalah Tahunan Starits Times ditentang dan dianggap sebagai dongeng serta angan majenin sahaja.

Katanya lagi, hasrat itu telah menjadi kenyataan sekarang.

Tambahnya, begitu juga dengan tindakan Tunku Abdul Rahman untuk menuntut Kemerdekaan telah dipandang rendah oleh para pegawai Melayu yang berkhidmat dengan Kerajaan British ketika itu.

"Tetapi pada 31 Ogos 1957, angan-angan itu telah menjadi kenyataan dan kita mencapai kemerdekaan," ujarnya.

Menurut beliau, setelah mencapai kemerdekaanlah timbulnya unsur-unsur yang kurang menyenangkan di dalam UMNO.